

BAB 4

ANALISIS DATA

Pengenalan

Kajian ini telah dianalisis dengan bantuan komputer yang menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 7.5*. Min, frekuensi dan peratusan digunakan untuk memudahkan penganalisaan data. Semua keputusan yang diperolehi dibentang dalam bentuk jadual.

Maklumat Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan 96 orang pelajar pendidikan jarak jauh dari sebuah institusi jarak jauh iaitu METEOR Distance Learning Sdn. Bhd (MDLSB). Jadual 1 merupakan jadual kekerapan tentang maklumat latar belakang responden yang merangkumi umur, pengalaman menggunakan komputer, kemahiran dan pemilikan komputer.

Umur responden adalah antara 18 hingga 45 tahun. Ini dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan 1 hingga 3. Kumpulan 1 (K1) terdiri daripada 22 orang pelajar (22.9%) yang berumur kurang daripada 26 tahun, kumpulan 2 (K2) terdiri daripada 45 orang pelajar (46.9%) yang berumur antara 26 hingga 35 tahun dan kumpulan 3 (K3) pula terdiri daripada 29 (30.2%) orang pelajar yang berumur antara 36 hingga 45 tahun. Kekerapan menunjukkan bahawa majoriti responden berumur antara 26 hingga 35 tahun.

Dari segi pengalaman komputer, dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 12.5% ($n=12$) tidak mempunyai sebarang pengalaman manakala 87.5% ($n=84$) responden mempunyai pengalaman komputer. Dari jumlah ini 5.2% ($n=5$) dari responden mempunyai kurang dari satu tahun pengalaman manakala 35.4% ($n=34$) mempunyai pengalaman antara

satu hingga 3 tahun diikuti dengan 46.9% (n=45) dari responden pula yang mempunyai lebih dari tiga tahun pengalaman menggunakan komputer.

Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Responden

Maklumat Latar belakang	Frekuensi (n)	Peratus %
Umur		
K1 (kurang daripada 26 tahun)	22	22.9
K2 (26 hingga 35 tahun)	45	46.9
K3 (36 hingga 45 tahun)	29	30.2
Pengalaman menggunakan komputer		
Tiada sebarang pengalaman	12	12.5
Kurang daripada 1 tahun	5	5.2
1 hingga 3 tahun	34	35.4
Lebih daripada 3 tahun	45	46.9
Kemahiran menggunakan komputer		
K1 (Tidak mahir)	12	12.5
K2 (Sederhana mahir)	66	68.8
K3 (Mahir)	18	18.7
$\bar{X} = 2.06$		
Memiliki kemudahan komputer		
Ya	76	79.2
Tidak	20	20.8

Pendapat responden tentang kemahiran mereka menggunakan komputer turut dikaji. Kemahiran ini dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan 1 hingga 3. Kumpulan 1 (K1) terdiri daripada 12.5% (n=12) merupakan responden yang tidak mahir menggunakan komputer. Kumpulan 2 terdiri dari responden yang sederhana mahir, mencatat 68.8% (n=66) diikuti dengan kumpulan 3 yang merupakan kumpulan yang mahir menggunakan komputer iaitu 18.7% (n=18). Pada keseluruhannya nilai \bar{X} ialah 2.06 bermakna bahawa majoriti responden sederhana mahir dalam menggunakan komputer.

Dari segi bilangan responden yang memiliki kemudahan komputer. Dapatan kajian menunjukkan 20.8% (n=20) tidak memiliki kemudahan komputer manakala 79.2% (n=76) pula mempunyai kemudahan komputer.

Mod Pembelajaran Sebelum dan Semasa Mengikuti Kursus Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)

Jadual 2 menunjukkan mod pembelajaran yang pernah digunakan oleh responden sebelum mengikuti kursus pendidikan jarak jauh (PJJ). Responden telah diberi beberapa pilihan mod iaitu pertemuan bersemuka, perpustakaan, modul, mel elektronik, papan perbincangan Internet, tuisyen, praktikal dan belajar sendiri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua responden iaitu 100% (n=96) biasa dan pernah menggunakan mod pertemuan bersemuka sebelum mengikuti kursus PJJ mereka. Disamping itu beberapa mod lain iaitu penggunaan perpustakaan, praktikal dan belajar sendiri juga pernah digunakan oleh kesemua responden iaitu 100% (n=96) dari mereka. Tuisyen merupakan mod yang juga pernah digunakan oleh 86.5% (n=83) responden manakala 13% (n=13.5) tidak biasa ke tuisyen. Kajian juga menunjukkan bahawa 100% (n=96) responden tidak pernah menggunakan sidang video. Hampir kesemua iaitu 99% (n=95) dari responden juga tidak pernah menggunakan papan perbincangan Internet dan hanya seorang iaitu 1% mengaku pernah menggunakan papan perbincangan Internet sebagai mod pembelajaran. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 96.9% (n=93) pernah menggunakan modul manakala 3.1% (n=3) tidak pernah menggunakan modul. Di samping itu 75% (n=72) tidak pernah menggunakan mel elektronik tetapi 25% (n=24) pernah menggunakan mel elektronik sebagai mod pembelajaran. 42.7% (n=41) mengaku menggunakan mod pembelajaran yang lain iaitu radio dan televisyen manakala 57.3% (n=55) tidak pernah menggunakan sebarang mod lain.

Jadual 2: Mod Pembelajaran Yang Pernah Digunakan Sebelum Kursus Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)

Mod Yang Pernah Digunakan Sebelum PJJ	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Pertemuan bersemuka		
Ya	96	100.0
Tidak	0	0.0
Perpustakaan		
Ya	96	100.0
Tidak	0	0
Modul		
Ya	3	3.1
Tidak	93	96.9
Mel elektronik		
Ya	24	25.0
Tidak	72	75.0
Papan perbincangan Internet		
Ya	1	1.0
Tidak	95	99.0
Sidang video		
Ya	0	0
Tidak	96	100.0
Tuisyen		
Ya	83	86.5
Tidak	13	13.5
Praktikal		
Ya	96	100.0
Tidak	0	0.0
Belajar sendiri		
Ya	96	100.0
Tidak	0	0.0
Lain-lain Mod		
Ya	41	42.7
Tidak	55	57.3

Jadi dapatlah disimpulkan bahawa majoriti responden biasa menggunakan pertemuan bersemuka, praktikal, perpustakaan, belajar sendiri dan tuisyen manakala segolongan kecil pernah menggunakan modul dan mel elektronik. Walau bagaimanapun hanya seorang yang menggunakan papan perbincangan Internet dan tidak ada seorang pun yang pernah menggunakan sidang video sebagai mod pembelajaran.

Jadual 3 menunjukkan mod pembelajaran yang digunakan oleh responden dalam kursus pendidikan jarak jauh yang kini dikuti oleh mereka. Pertemuan bersemuka, modul, sidang video, praktikal dan belajar sendiri merupakan mod-mod pembelajaran yang digunakan oleh kesemua responden iaitu 100% (n=96). Perpustakaan hanya digunakan oleh 22.9% (n = 22) dari responden manakala mel elektronik hanya digunakan oleh 15.6% (n = 15) responden. Papan perbincangan Internet tidak digunakan oleh hampir semua iaitu 95.8% (n=92) dan tuisyen pula tidak digunakan oleh 96.9% (n=93) dari keseluruhan responden. 12 orang iaitu 12.5% menggunakan mod-mod lain seperti World Wide Web (WWW), radio dan televisyen.

Jadual 3: Mod Pembelajaran Yang Digunakan Dalam Kursus Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Yang Diikuti Sekarang

Mod Yang Digunakan Sekarang	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Pertemuan bersemuka		
Ya	96	100.0
Tidak	0	0.0
Perpustakaan		
Ya	22	22.9
Tidak	74	77.1
Modul		
Ya	96	100.0
Tidak	0	0.0
Mel elektronik		
Ya	15	15.6
Tidak	81	84.4
Papan perbincangan Internet		
Ya	4	4.2
Tidak	92	95.8
Sidang video		
Ya	96	100.0
Tidak	0	0.0
Tuisyen		
Ya	3	3.1
Tidak	93	96.9
Praktikal		
Ya	96	100.0
Tidak	0	0.0
Belajar sendiri		
Ya	96	100.0
Tidak	0	0.0
Lain-lain Mod		
Ya	12	12.5
Tidak	84	87.5

Jadual 4 merupakan perbandingan mod yang digunakan sebelum dan semasa mengikuti kursus pendidikan jarak jauh. Modul dan sidang video merupakan dua mod yang tidak pernah digunakan oleh majoriti responden sebelum ini, kini digunakan oleh kesemua responden. Hanya tiga mod yang digunakan oleh 100% responden sebelum PJJ yang masih digunakan semasa kursus PJJ iaitu pertemuan bersemuka, praktikal dan belajar sendiri. Berbanding dengan sebelum mengikuti kursus PJJ, lebih ramai responden mula menggunakan papan perbincangan Internet iaitu 4.2% (n=4) berbanding dengan 1% sebelum ini. Walau bagaimanapun majoriti responden masih tidak menggunakan kedua-dua mod ini. Jadi dapatlah disimpulkan bahawa responden yang biasa menggunakan satu-satu mod sebelum mengikuti kursus PJJ tidak semestinya hendak menggunakan mod yang sama semasa mengikuti kursus PJJ contohnya tuisyen yang luas digunakan oleh responden sebelum ini iaitu 86.5%, kini hanya digunakan oleh 3.1% dari responden. Begitu juga dengan mod perpustakaan, dari 100.0% yang menggunakan mod ini sebelum mengikuti PJJ kini hanya 22.9% menggunakan perpustakaan . Mod mel elektronik yang digunakan oleh 25% dari responden sebelum mengikuti kursus PJJ hanya digunakan oleh 15.6% dari responden semasa mengikuti kursus PJJ.

Jadual 4: Perbandingan Penggunaan Mod Pembelajaran Sebelum dan Semasa Mengikuti Kursus Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)

Mod Yang Digunakan	Sebelum PJJ %	Semasa PJJ %
Pertemuan bersemuka		
Ya	100.0	100.0
Tidak	0.0	0.0
Perpustakaan		
Ya	100.0	22.9
Tidak	0	77.1
Modul		
Ya	3.1	100.0
Tidak	96.9	0.0
Mel elektronik		
Ya	25.0	15.6
Tidak	75.0	84.4
Papan perbincangan Internet		
Ya	1.0	4.2
Tidak	99.0	95.8
Sidang video		
Ya	0	100.0
Tidak	100.0	0.0
Tuisyen		
Ya	86.5	3.1
Tidak	13.5	96.9
Praktikal		
Ya	100.0	100.0
Tidak	0.0	0.0
Belajar sendiri		
Ya	100.0	100.0
Tidak	0.0	0.0
Lain-lain Mod		
Ya	42.7	12.5
Tidak	57.3	87.5

Mod Yang Menjadi Kegemaran

Jadual 5, Jadual 6 dan Jadual 7 menunjukkan kegemaran responden menggunakan mod pembelajaran. Responden diminta menandakan kegemaran mereka mengikut urutan paling gemar, gemar dan tidak gemar. Jadual 5 menunjukkan mod yang paling digemari oleh responden. Kajian mendapati bahawa 47.9% (n=46) responden memilih pertemuan bersemuka sebagai mod pembelajaran yang paling digemari, diikuti dengan sidang video iaitu 43.8% (n=42). Sebanyak 6.3% (n=6) responden mencatat modul sebagai pilihan terbaik mereka diikuti dengan 2.1% (n=2) memilih belajar sendiri sebagai mod yang paling digemari.

Pilihan kedua iaitu mod yang gemar digunakan dapat dilihat dalam Jadual 6. Kajian mendapati bahawa sidang video menjadi pilihan kedua kepada 40.6% (n=39) orang responden, diikuti dengan pertemuan bersemuka iaitu 32.3% (n=31). Modul menjadi pilihan kedua 14.6% (n=14) responden sementara belajar sendiri, mel elektronik dan papan perbincangan Internet masing-masing menjadi mod yang gemar digunakan oleh 4.2% (n=4) orang responden.

Jadual 7 menunjukkan mod yang tidak digemari oleh responden. Kajian mendapati 29.2% (n=28) orang responden tidak gemar menggunakan papan perbincangan Internet diikuti dengan mel elektronik iaitu 20.8% (n=20). Terdapat juga responden yang tidak gemar belajar sendiri iaitu 18.8% (n=18). Disamping itu 12.5% (n=12) responden pula tidak gemar mod pertemuan bersemuka diikuti dengan 10.4% (n=10) yang tidak gemar menggunakan mod modul dan 8.3% (n=8) pula bagi mod sidang video. Ini bermakna majoriti responden memilih papan perbincangan Internet dan mel elektronik sebagai mod yang tidak digemari.

Jadual 5: Mod Pembelajaran Yang Paling Digemari

Mod Yang Paling Digemari	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Pertemuan bersemuka	46	47.9
Sidang video	42	43.8
Modul	6	6.3
Belajar sendiri	2	2.1
Keseluruhan	96	100.0

Jadual 6: Mod Pembelajaran Yang Gemar Digunakan

Mod Yang Gemar Digunakan	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Pertemuan bersemuka	31	32.3
Sidang video	39	40.6
Modul	14	14.6
Belajar sendiri	4	4.2
Papan perbincangan Internet	4	4.2
Mel elektronik	4	4.2
Keseluruhan	96	100.0

Jadual 7: Mod Pembelajaran Yang Tidak Digemari

Mod Yang Paling Digemari	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Pertemuan bersemuka	12	12.5
Sidang video	8	8.3
Modul	10	10.4
Belajar sendiri	18	18.8
Papan perbincangan Internet	28	29.2
Mel elektronik	20	20.8
Keseluruhan	96	100.0

Jadual 8: 'Crosstabulation' Mod Yang Paling Digemari Dengan Umur

		Umur			
		<26	26-35	36-45	Jumlah
Mod Yang Paling Digemari	Pertemuan Bersemuka	Bilangan % berdasarkan umur	10 45.5%	22 48.9%	14 48.3%
	Modul	Bilangan % berdasarkan umur	1 4.5%	4 8.9%	1 3.4%
	Sidang Video	Bilangan % berdasarkan umur	9 40.9%	19 42.2%	14 48.3%
	Belajar Sendiri	Bilangan % berdasarkan umur	2 9.1%	0 0.0%	0 0.0%
Jumlah		Bilangan % berdasarkan umur	22 100.0%	45 100.0%	29 100.0%
					96 100.0%

Perkaitan Mod Yang Paling Digemari dengan Umur Responden

Jadual 8 menunjukkan perkaitan antara mod yang paling digemari oleh responden dengan umur responden. Kajian mendapati bahawa daripada 22 orang responden yang berumur kurang daripada 26 tahun dan 45.5% (n=10) daripada mereka paling gemar menggunakan mod pertemuan bersemuka, 4.5% (n=1) paling gemar menggunakan modul, 40.9% (n=9) paling gemar menggunakan sidang video dan 9.1% (n=2) paling gemar belajar sendiri. Terdapat 45 orang responden yang berumur antara 26 hingga 35 tahun. Dari jumlah ini 48.9% (n=22) paling gemar menggunakan pertemuan bersemuka diikuti dengan 42.2% (n=19) paling gemarkan mod sidang video dan 8.9% (n=4) pula paling gemar menggunakan

modul. Bagi 29 orang responden yang berumur antara 36 hingga 45 tahun, kajian mendapati bahawa 48.3% (n=14) dari responden masing-masing paling gemar menggunakan mod pertemuan bersemuka dan sidang video manakala 3.4% (n=1) pula paling gemarkan modul. Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa dalam ketiga-tiga kumpulan umur, mod pertemuan bersemuka menjadi mod yang paling digemari oleh majoriti responden iaitu 47.9% (n=46 daripada keseluruhan responden iaitu 100.0% (n=96). Ini diikuti dengan mod sidang video iaitu 43.8% (n=42) dari jumlah keseluruhan responden.

Kekerapan Menggunakan Mod Pembelajaran

Jadual 9a menunjukkan bahawa 87.5% (n=84) menggunakan mod pertemuan bersemuka kurang daripada 6 kali sesemester manakala 12.5% (n=12) menggunakan mod ini sebanyak 6 hingga 10 kali sesemester.

Jadual 9b pula merupakan kekerapan responden menggunakan perpustakaan sebagai mod pembelajaran. Kajian mendapati bahawa 77% (n=74) responden tidak menggunakan perpustakaan. 19.9% (n=19) responden menggunakan perpustakaan kurang daripada 6 kali dan hanya 3 orang responden iaitu 3.1% yang menggunakan perpustakaan antara 6 hingga 10 kali.

Sebagai kesimpulannya, majoriti responden yang menggunakan mod pertemuan bersemuka menggunakan kurang dari 6 kali sesemester. Begitu juga dengan perpustakaan, responden yang menggunakan mod ini amat kecil dan majoriti yang menggunakan mod ini menggunakan kurang dari 6 kali sesemester. Disamping itu, tidak ada responden yang menggunakan mod pertemuan bersemuka dan perpustakaan melebihi 10 kali sesemester.

Jadual 9a: Kekerapan Menggunakan Mod Pertemuan Bersemuka

Kekerapan (sesemester)	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tiada	0	0.0
Kurang daripada 6 kali	84	87.5
6 hingga 10 kali	12	12.5
11 hingga 15 kali	0	0.0
Lebih daripada 15 kali	0	0.0
Keseluruhan	96	100.0

Jadual 9b: Kekerapan Menggunakan Perpustakaan

Kekerapan	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tiada	74	77.0
Kurang daripada 6 kali	19	19.9
6 hingga 10 kali	3	3.1
11 hingga 15 kali	0	0.0
Lebih daripada 15 kali	0	0.0
Keseluruhan	96	100.0

Jadual 9c: Kekerapan Menggunakan Mod Modul

Kekerapan	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tiada	0	0.0
Kurang daripada 6 kali	0	0.0
6 hingga 10 kali	14	14.6
11 hingga 15 kali	50	52.1
Lebih daripada 15 kali	32	33.3
Keseluruhan	96	100.0

Jadual 9c menunjukkan bahawa 52.1% (n=50) responden menggunakan modul sebanyak 11 hingga 15 kali manakala 33.3% (n=32) menggunakannya lebih daripada 15 kali sesemester. Hanya 14.6% (n=14) responden yang menggunakan modul antara 6 hingga 10 kali sesemester. Jadi dapat disimpulkan bahawa majoriti (82%) responden menggunakan modul lebih dari 11 kali sesemester.

Jadual 9d: Kekerapan Menggunakan Mel Elektronik

Kekerapan	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tiada	81	84.4
Kurang daripada 6 kali	12	12.5
6 hingga 10 kali	2	2.1
11 hingga 15 kali	0	0.0
Lebih daripada 15 kali	1	1.0
Keseluruhan	96	100.0

Jadual 9e: Kekerapan Menggunakan Papan Perbincangan Internet

Kekerapan	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tiada	92	95.8
Kurang daripada 6 kali	4	4.2
6 hingga 10 kali	0	0.0
11 hingga 15 kali	0	0.0
Lebih daripada 15 kali	0	0.0
Keseluruhan	96	100.0

Dapatan kajian tentang kekerapan menggunakan mod mel elektronik menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 84.4% ($n=81$) tidak menggunakan mel elektronik sebagai mod pembelajaran. 12.5% ($n=12$) responden yang menggunakannya hanya menggunakannya kurang daripada 6 kali sesemester. 2 orang responden iaitu 2.1% menggunakannya sebanyak 6 hingga 10 kali dan terdapat 1 orang atau 1% yang menggunakannya melebihi 15 kali sesemester. Keputusan ini dapat dilihat di Jadual 9d.

Jadual 9e menunjukkan kekerapan penggunaan papan perbincangan Internet. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 95.8% ($n=92$) tidak menggunakan mod ini. 4 orang responden yang menggunakannya hanya menggunakannya kurang dari 6 kali sesemester. Jadi dapatlah disimpulkan bahawa mel elektronik dan papan perbincangan Internet hanya digunakan oleh sebilangan kecil responden yang jarang menggunakannya..

Jadual 9f : Kekerapan Menggunakan Sidang Video

Kekerapan	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tiada	0	0.0
Kurang daripada 6 kali	0	0.0
6 hingga 10 kali	18	18.8
11 hingga 15 kali	34	35.4
Lebih daripada 15 kali	44	45.8
Keseluruhan	96	100.0

Jadual 9g : Kekerapan Menggunakan Mod Tuisyen

Kekerapan	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tiada	93	96.9
Kurang daripada 6 kali	0	0.0
6 hingga 10 kali	3	3.1
11 hingga 15 kali	0	0.0
Lebih daripada 15 kali	0	0.0
Keseluruhan	96	100.0

Kekerapan menggunakan mod sidang video digambarkan dalam Jadual 9f. Seramai 18.8% ($n=18$) responden menggunakan mod ini antara 6 hingga 10 kali sesemester. 34 orang menggunakan antara 11 hingga 15 kali dan 45.8% ($n=44$) menggunakan lebih dari 15 kali sesemester. Jadi dapatlah disimpulkan bahawa tidak ada responden yang tidak menggunakan mod ini dan mereka menggunakan tidak kurang daripada 6 kali sesemester.

Jadual 9g menunjukkan kekerapan responden menggunakan mod tuisyen. Kajian menunjukkan bahawa mod ini tidak menjadi pilihan majoriti (96.9%) responden. Hanya 3 orang iaitu 3.1% responden yang menghadiri tuisyen iaitu antara 6 hingga 10 kali.

Jadual 9h: Kekerapan Menggunakan Mod Praktikal

Kekerapan	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tiada	0	0.0
Kurang daripada 6 kali	96	100.0
6 hingga 10 kali	0	0.0
11 hingga 15 kali	0	0.0
Lebih daripada 15 kali	0	0.0
Keseluruhan	96	100.0

Jadual 9i: Kekerapan Menggunakan Mod Belajar Sendiri

Kekerapan	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tiada	0	0.0
Kurang daripada 6 kali	0	0.0
6 hingga 10 kali	48	50.0
11 hingga 15 kali	23	24.0
Lebih daripada 15 kali	25	26.0
Keseluruhan	96	100.0

Jadual 9h pula menunjukkan bahawa semua responden menggunakan praktikal sebagai mod pembelajaran dan kesemua responden menggunakannya kurang daripada 6 kali dalam satu semester.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua responden menggunakan mod belajar sendiri sekurang-kurangnya 6 kali. Sebanyak 50% ($n=48$) daripada responden menggunakan sebanyak 6 hingga 10 kali diikuti oleh 24% ($n=23$) yang menggunakan antara 11 hingga 15 kali. Sebanyak 26% ($n=25$) mengaku menggunakan lebih dari 15 kali dalam satu semester. Ini dapat dilihat dalam Jadual 9i.

Jadual 9j: Kekerapan Menggunakan Mod-Mod Lain

Kekerapan	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tiada	84	87.5
Kurang daripada 6 kali	12	12.5
6 hingga 10 kali	0	0.0
11 hingga 15 kali	0	0.0
Lebih daripada 15 kali	0	0.0
Keseluruhan	0	0.0

Jadual 9j merujuk kepada kekerapan menggunakan mod-mod lain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 12 orang (12.5%) responden turut menggunakan mod-mod pembelajaran yang lain. Walau bagaimanapun 87.5% (n=84) tidak menggunakan sebarang mod lain.

Kombinasi Mod Pembelajaran

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa hampir kesemua iaitu 93.4% (n=90) lebih selesa menggunakan lebih dari satu mod pembelajaran iaitu kombinasi beberapa mod. Walau bagaimanapun terdapat 6 (6.6%) orang responden yang lebih selesa menggunakan satu mod pembelajaran. Dapatan ini digambarkan dalam Jadual 10.

Jadual 10 : Kombinasi Mod

Kombinasi	Frekuensi (n)	Peratus (%)
1 Mod	6	6.6
Kombinasi Beberapa Mod	90	93.4
Keseluruhan	96	100.0

Jadual 11: Faktor Pendorong Dalam Penggunaan Mod Pembelajaran

Dorongan	P.Semuka (%)		Modul (%)		S. Video (%)		MEPPI (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1. Saya selesa menggunakan mod ini.	56 (58.3)	40 (41.7)	42 (43.8)	54 (56.2)	78 (81.3)	18 (18.7)	5 (5.2)	91 (94.8)
2. Saya seronok menggunakan mod ini.	56 (58.3)	40 (41.7)	42 (43.8)	54 (56.2)	76 (79.2)	20 (20.8)	5 (5.2)	91 (94.8)
3. Saya konfiden menggunakan mod ini	52 (54.2)	44 (45.8)	10 (10.4)	86 (89.6)	49 (51.0)	47 (49.0)	5 (5.2)	91 (94.8)
4. Mod ini sangat berkesan bagi diri saya.	74 (77.1)	22 (22.9)	30 (31.3)	66 (68.7)	75 (78.1)	21 (21.9)	4 (4.2)	92 (95.8)
5. Pembelajaran menggunakan mod ini tidak menjemuhan	57 (59.4)	39 (40.6)	42 (43.8)	54 (56.2)	59 (61.5)	37 (38.5)	39 (40.6)	57 (59.4)
6. Mod ini menjimatkan masa saya.	34 (35.4)	62 (64.6)	12 (12.5)	84 (87.5)	76 (79.2)	20 (20.8)	15 (15.6)	81 (84.4)
7. Mod ini berkebolehan menyampaikan pelajaran dengan baik.	56 (58.3)	40 (41.7)	37 (38.5)	59 (61.5)	49 (51.0)	47 (49.0)	4 (4.2)	92 (95.8)
8. Saya suka menggunakan mod ini kerana ia memberi motivasi kepada saya	62 (64.6)	34 (35.4)	18 (18.8)	78 (81.3)	60 (62.5)	36 (37.5)	2 (2.1)	94 (97.9)
9. Mod ini mendorong, mengajar dan merangsangkan pembelajaran.	62 (64.6)	34 (35.4)	37 (38.5)	59 (61.5)	56 (58.3)	40 (41.7)	2 (2.1)	94 (97.9)
10. Mod ini membolehkan saya meningkatkan kecekapan dalam penggunaan teknologi terkini.	0 (0.0)	96 (100.)	0 (0.0)	96 (100.)	56 (58.3)	40 (41.7)	19 (19.8)	77 (80.2)

Nota: P. Semuka = Pertemuan Bersemuka S. Video = Sidang Video MEPPI = Mel Elektronik dan Papan Perbincangan Internet

Jadual 11 menunjukkan faktor-faktor yang mendorong responden menggunakan satu-satu mod pembelajaran . Dapatan kajian menunjukkan bahawa dari segi keselesaan mod sidang video mencatat skor yang paling tinggi iaitu 81.3% (n=78), diikuti dengan mod pertemuan bersemuka iaitu 58.3% (n=56). Responden yang selesa menggunakan mod modul adalah seramai 42 iaitu 43.8%. Hanya 5 orang responden iaitu 5.2% yang selesa menggunakan mel elektronik dan papan perbincangan Internet. Jadi dapatlah disimpulkan bahawa majoriti responden iaitu lebih daripada 50% selesa menggunakan mod pertemuan bersemuka dan sidang video manakala hampir semua iaitu 94.8% (n=91) tidak selesa menggunakan mel elektronik dan papan perbincangan Internet.

Dari segi keseronokan pula responden didapati paling seronok menggunakan mod sidang video iaitu 79.2% (n=76) diikuti dengan pertemuan bersemuka iaitu 58.3% (n=56) dan 43.8% (n = 42) untuk mod modul. Hanya 5.2% (n=5) yang seronok menggunakan mel elektronik dan papan perbincangan Internet sebagai mod pembelajaran. Ini bermakna dari segi keseronokan menggunakan satu-satu mod pembelajaran, majoriti responden masih memilih sidang video dan pertemuan bersemuka dan hampir semua iaitu 94.8% (n=91) tidak seronok menggunakan mod mel elektronik dan papan perbincangan Internet sebagai mod pembelajaran.

Jadual 11 juga menunjukkan bahawa 54.2% (n= 52) responden konfiden menggunakan mod pertemuan bersemuka diikuti dengan 51% (n = 49) yang konfiden menggunakan mod sidang video. Hanya 10.4% (n=10) yang mengatakan bahawa mereka konfiden menggunakan modul sebagai mod pembelajaran manakala 94.8% (n=91) pula tidak konfiden menggunakan mel elektronik dan papan perbincangan Internet. Kesimpulannya ialah majoriti responden konfiden menggunakan sidang video dan pertemuan bersemuka dan

majoriti iaitu 94.8% (n=91) tidak konfiden dengan mod mel elektronik dan papan perbincangan Internet.

Responden juga diminta menandakan mod yang sangat berkesan bagi diri mereka. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sekali lagi responden memilih mod sidang video dan pertemuan bersemuka. Sebanyak 78.1% (n=75) dari responden mengatakan bahawa mereka mendapati mod sidang video sebagai sangat berkesan dalam proses pembelajaran mereka. Ini diikuti pula dengan pertemuan bersemuka iaitu 77.1% (n=74). Mod modul dianggap sebagai berkesan oleh 31.3% (n=30) responden dan hanya 4 orang responden yang meliputi 4.2% yang menganggap mel elektronik dan papan perbincangan Internet sebagai mod yang berkesan. Di sini juga agak ketara bahawa kedua-dua mod pertemuan bersemuka dan sidang video dianggap sangat berkesan oleh majoriti responden manakala mel elektronik dan papan perbincangan Internet dianggap tidak berkesan oleh hampir semua iaitu 95.8% (n=92) dari responden .

Responden telah diminta menandakan mod yang dianggap tidak menjemukan.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sidang video dianggap tidak menjemukan oleh majoriti responden iaitu 61.5% (n=59) diikuti dengan mod pertemuan bersemuka iaitu 59.4% (n=57). Walau bagaimanpun lebih dari separuh dari responden iaitu 56.2% (n=54) menganggap modul sebagai menjemukan. Dari segi mod mel elektronik dan papan perbincangan Internet pula didapati bahawa 40.6% (n=39) menganggap mod ini tidak menjemukan. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah majoriti responden menganggap mod modul serta mel elektronik dan papan perbincangan Internet sebagai menjemukan manakala lebih daripada 50% responden menganggap sidang video dan pertemuan bersemuka Internet sebagai tidak menjemukan. Di samping itu peratus responden yang menganggap pertemuan bersemuka tidak menjemukan

adalah sama dengan peratus responden yang memilih mod mel elektronik dan papan perbincangan Internet sebagai menjemukan.

Dari segi masa, responden telah disoal tentang mod yang dianggap menjimatkan masa mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 79.2% (n=76) menganggap sesi sidang video sebagai menjimatkan masa diikuti dengan 35.4% (n=34) pula untuk mod pertemuan bersemuka. Majoriti responden iaitu 87.5% (n=84) menganggap modul tidak menjimatkan masa mereka. Begitu juga dengan mel elektronik dan papan perbincangan Internet iaitu 84.4% (n=81) menganggapnya sebagai tidak menjimatkan masa. Jadi dapatlah dikatakan bahawa mod yang dianggap oleh majoriti responden sebagai menjimatkan masa ialah sidang video manakala modul serta mel elektronik dan papan perbincangan Internet dianggap paling tidak menjimatkan masa oleh majoriti responden iaitu lebih daripada 80%.

Dari segi penyampaian pelajaran mod yang dianggap oleh majoriti responden sebagai dapat menyampaikan pelajaran dengan baik ialah pertemuan bersemuka iaitu 58.3% (n=56) diikuti dengan 51% (n=49) untuk mod sidang video dan 38.5% (n=37) untuk mod modul. Mel elektronik dan papan perbincangan Internet merupakan mod yang dianggap tidak dapat menyampaikan pelajaran dengan baik oleh 95.8% (n=92) responden.

Motivasi dianggap penting dalam menimbulkan minat dalam pelajaran. Dalam kajian ini responden diminta menandakan mod pembelajaran yang memberikan motivasi kepada mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa pertemuan bersemuka merupakan mod yang memberi motivasi kepada ramai responden iaitu 64.6% (n=62) diikuti pula dengan mod sidang video iaitu sebanyak 62.5% (n=60). Hampir semua responden iaitu 97.9 (n=94) menganggap mel elektronik dan papan perbincangan Internet sebagai tidak memberi motivasi. Ini diikuti pula dengan modul dimana 81.3% (n=78) menganggap modul sebagai

mod yang tidak memberi motivasi kepada mereka. Dari segi mod yang memberikan dorongan dan rangsangan untuk belajar, didapati bahawa mel elektronik dan papan perbincangan Internet dianggap oleh 97.9% (n=94) sebagai tidak mendorong dan merangsangkan mereka. Pertemuan bersemuka dan sidang video merupakan dua mod yang dianggap oleh majoriti sebagai mendorong dan merangsangkan mereka iaitu masing-masing sebanyak 64.6% (n=62) dan 58.3% (n=56). Lebih ramai iaitu 61.5% (n=59) dari responden menganggap modul sebagai tidak mendorong dan merangsangkan mereka berbanding dengan 38.5% (n=37) yang berpendapat sebaliknya.

Responden juga telah disoal dari segi kekuatan sesuatu mod itu meningkatkan kecekapan dalam penggunaan teknologi terkini. Hasil kajian mendapati bahawa semua responden iaitu 100% menganggap pertemuan bersemuka dan modul sebagai mod yang tidak dapat meningkatkan kecekapan mereka dalam penggunaan teknologi terkini. Sebaliknya lebih daripada separuh iaitu 58.3% (n=56) yang memilih sidang video sebagai dapat meningkatkan kecekapan mereka dalam teknologi terkini. Walau bagaimanapun hanya 19.8% (n=19) responden yang menganggap mel elektronik dan papan perbincangan Internet sebagai dapat meningkatkan kecekapan dalam teknologi terkini.

Penghalang Dalam Penggunaan Mod Pertemuan Bersemuka

Jadual 12 menunjukkan faktor-faktor yang menghalang responden menggunakan mod pertemuan bersemuka. Proses pengajaran dan pembelajaran dalam mod pertemuan bersemuka memerlukan seorang pelajar berada di satu lokasi tertentu pada masa yang ditetapkan. Kajian menunjukkan bahawa 62.5% (n=60) bersetuju bahawa satu daripada kelemahan mod pertemuan bersemuka ialah kerana responden tidak dapat menggunakanannya

Jadual 12: Faktor Penghalang Dalam Penggunaan Mod Pertemuan Bersemuka

Faktor Penghalang	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)	\bar{X}
Saya tidak dapat menggunakan mod ini mengikut kadar kemajuan saya (pace).	0 (0.0)	8 (8.3)	60 (62.5)	28 (39.2)	3.21
Saya segan dan malu menyertai mod ini kerana takut pendapat saya ditertawakan orang.	3 (3.1)	56 (58.3)	37 (38.6)	0 (0.0)	2.42
Saya tidak mempunyai peluang untuk bertanya dengan pensyarah topik-topik yang tidak difahami.	0 (0.0)	2 (2.1)	38 (39.6)	56 (58.3)	3.56
Pensyarah tidak menggalakkan pelajar mengambil bahagian bagi mendapat penyertaan pelajar.	0 (0.0)	12 (12.5)	15 (15.6)	69 (71.9)	3.59
Pensyarah tidak bersedia dengan baik untuk sesi pertemuan bersemuka.	0 (0.0)	56 (58.3)	40 (41.7)	0 (0.0)	2.42
Jumlah pelajar dalam pembelajaran menggunakan mod ini terlalu besar.	0 (0.0)	0 (0.0)	81 (84.3)	15 (15.6)	3.16
Tempoh masa pertemuan bersemuka perlu dipanjangkan.	0 (0.0)	0 (0.0)	86 (89.6)	10 (10.4)	3.10

Nota: STS=Sangat Tidak Setuju TS=Tidak Setuju S=Setuju SS=Sangat Setuju

mengikut kadar kemajuan ('pace') mereka atau kesesuaian masa mereka. Seramai 39.2% ($n = 28$) pula sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Mereka menganggap faktor ini sebagai satu kelemahan dalam penggunaan mod pertemuan bersemuka. Hanya sebilangan kecil iaitu 8.3% ($n = 8$) sahaja yang tidak melihat faktor ini sebagai penghalang kepada mereka. Jadi dapatlah disimpulkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa mod pertemuan bersemuka tidak membolehkan mereka belajar mengikut kadar kemajuan mereka. Ini digambarkan oleh nilai $\bar{X} = 3.21$. Responden juga telah ditanya samada mereka segan dan

malu bertanya dalam mod pertemuan bersemuka kerana takut ditertawakan orang. Hasil kajian menunjukkan 58.3% (n=56) responden tidak menghadapi masalah kerana segan bertanya malah 3 orang responden iaitu 3.1% sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Sebaliknya 38.6% (n=37) bersetuju bahawa faktor ini memang menghalang proses pembelajaran mereka dalam sesi pertemuan bersemuka. Pada keseluruhannya skor item menunjukkan bahawa \bar{X} ialah 2.42 bermakna majoriti responden tidak bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah segan bertanya semasa sesi pertemuan bersemuka.

Majoriti responden iaitu juga berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai peluang untuk bertanya dengan pensyarah topik-topik yang tidak difahami. Seramai 39.6% (n=38) bersetuju manakala 58.3% (n=56) dari responden pula sangat bersetuju. Hanya 2.1% (n=2) yang beranggapan bahawa faktor ini tidak menjadi penghalang kepada mereka. Nilai $\bar{X}=3.56$ menunjukkan bahawa majoriti bersetuju bahawa mereka tidak dapat menyelesaikan kesangsian-kesangsian yang dihadapi semasa sesi pembelajaran.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 71.9% (n=69) sangat bersetuju bahawa pensyarah tidak menggalakkan mereka mengambil bahagian dalam sesi pertemuan bersemuka. Seramai 15 orang (15.6%) turut bersetuju dengan pernyataan ini. Hanya 12.5% (n=12) yang beranggapan bahawa mereka digalakkan oleh pensyarah untuk menyertai sesi pembelajaran. Nilai $\bar{X}=3.59$ bermakna majoriti bersetuju bahawa pensyarah tidak memberi galakkan kepada mereka.

Dari segi persediaan pensyarah pula, 58.3% (n=56) bersetuju bahawa pensyarah bersedia dengan baik untuk sesi pertemuan bersemuka. Sebaliknya 41.7% (n=40) berpendapat pensyarah tidak bersedia dengan baik dan faktor ini merupakan kelemahan yang menjadi penghalang dalam sesi pertemuan bersemuka. $\bar{X}=2.42$ menunjukkan bahawa

majoriti responden tidak bersetuju bahawa pensyarah tidak bersedia dengan baik. Jadi faktor ini tidak dilihat sebagai penghalang oleh majoriti responden.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa semua responden bersetuju bahawa jumlah pelajar yang terlalu ramai dalam sesi pertemuan bersemuka menghalang proses pengajaran dan pembelajaran. Seramai 84.3% (n=81) dari responden bersetuju manakala 15.6% (n=15) lagi sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Nilai $\bar{X} = 3.16$ menunjukkan bahawa majoriti bersetuju bahawa jumlah pelajar dalam satu sesi pertemuan bersemuka terlalu ramai.

Selain itu, tempoh masa yang terlalu pendek juga merupakan faktor yang menghalang responden dalam sesi pertemuan bersemuka. Sebanyak 89.6% (n=86) bersetuju manakala 10.4% (n=10) lagi sangat bersetuju bahawa masa yang diuntukkan tidak mencukupi dan perlu dipanjangkan. Nilai $\bar{X}= 3.10$ bermakna bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa tempoh masa pertemuan bersemuka tidak mencukupi.

Jadi dapatlah disimpulkan bahawa faktor-faktor utama yang menghalang responden dalam mod pertemuan bersemuka ialah tidak boleh belajar mengikut kadar kemajuan masing-masing, tidak berpeluang bertanya dengan pensyarah, pensyarah yang tidak memberi galakkan, jumlah pelajar yang terlalu ramai dan tempoh masa yang terlalu singkat.

Jadual 13: Faktor Penghalang Dalam Penggunaan Mod Modul

Faktor Penghalang	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)	\bar{X}
Modul yang diberikan tidak lengkap dan tidak merangkumi seluruh sukan kursus.	0 (0.0)	17 (17.7)	48 (50.0)	31 (32.3)	3.15
Modul yang diberikan tidak mudah diikuti dan sukar difahami.	0 (0.0)	58 (60.4)	30 (31.3)	8 (8.3)	2.48
Modul yang diberikan tidak mempunyai soalan-soalan berbentuk latihan di akhir setiap unit.	0 (0.0)	56 (58.3)	26 (27.1)	14 (14.6)	2.56
Bahan grafik yang digunakan tidak menarik.	0 (0.0)	2 (2.1)	66 (68.8)	28 (29.2)	3.27
Modul yang diberikan tidak interaktif.	0 (0.0)	12 (12.5)	59 (61.5)	25 (26.0)	3.14
Saya tidak suka menggunakan modul kerana terlalu berat dan sukar dibawa ke mana-mana.	0 (0.0)	81 (84.3)	15 (15.6)	0 (0.0)	2.16
Saya tidak suka menggunakan mod ini kerana tidak dapat merujuk kepada sesiapa jika kurang faham.	0 (0.0)	6 (6.3)	63 (65.6)	27 (28.1)	3.22

Nota: STS=Sangat Tidak Setuju TS=Tidak Setuju S=Setuju SS=Sangat Setuju

Penghalang Dalam Penggunaan Mod Modul

Jadual 13 menunjukkan faktor-faktor yang menghalang responden dalam menggunakan modul sebagai mod pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa 50% responden ($n=48$) bersetuju bahawa modul yang diberikan tidak lengkap dan tidak merangkumi seluruh sukan kursus. Disamping itu seramai 32.3% ($n=31$) responden pula sangat bersetuju dengan kekurangan yang terdapat pada modul yang disediakan. Walau

bagaimanapun seramai 17.7% (n=17) pula tidak bersetuju bahawa modul yang disediakan tidak lengkap. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah majoriti responden bersetuju bahawa modul yang disediakan tidak lengkap dan ini menghalang proses pembelajaran mereka.

Tahap persetujuan ini digambarkan oleh nilai \bar{X} sebanyak 3.15.

Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa 60.4% (n=58) tidak bersetuju bahawa modul yang diberikan tidak mudah diikuti dan sukar difahami. Seramai 30 orang responden iaitu 31.3% pula bersetuju bahawa modul yang disediakan sukar difahami dan 8.3% (n=8) pula sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Jadi, keputusannya ialah modul yang diberikan mudah diikuti dan tidak sukar difahami kerana majoriti responden beranggapan demikian dan nilai \bar{X} adalah 2.48 bermakna responden tidak bersetuju dengan item..

Dari segi soalan-soalan di akhir setiap unit atau pelajaran didapati bahawa 58.3% (n=56) berpendapat bahawa modul yang diberikan mempunyai kriteria ini. Hanya 27.1% (n=26) yang bersetuju bahawa tidak terdapat soalan-soalan berbentuk latihan di akhir setiap unit. Seramai 14.6% (n=14) pula sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Hasilnya ialah majoriti responden bersetuju bahawa modul yang diberikan mempunyai soalan-soalan berbentuk latihan di akhir setiap unit. Nilai \bar{X} adalah 2.56 menunjukkan tahap tidak setuju dengan item bahawa tidak terdapat soalan-soalan berbentuk latihan di akhir setiap pelajaran. Faktor ini dilihat sebagai kekuatan yang ada pada mod ini.

Majoriti responden iaitu 68.8% (n=66) juga bersetuju bahawa modul yang diberikan tidak mempunyai bahan grafik yang menarik. Ini ditambah pula dengan 29.2% (n=28) dari responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Berasaskan dapatan ini dapatlah dikatakan bahawa modul yang disediakan tidak mempunyai bahan grafik yang menarik kerana hanya 2.1% (n=2) yang beranggapan bahawa modul mempunyai bahan grafik yang

menarik. Nilai \bar{X} adalah 3.27 menunjukkan tahap persetujuan yang agak tinggi. Jadi, faktor ini bolehlah dikatakan sebagai faktor yang menghalang responden menggunakan modul sebagai mod pembelajaran.

Modul yang berkesan seharusnya berbentuk interaktif. Hasil dari kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa 26% ($n=25$) sangat setuju bahawa modul yang disediakan tidak berbentuk interaktif diikuti pula dengan 61.5% ($n=59$) yang bersetuju dengan pernyataan ini. Hanya 12 orang responden yang merangkumi 12.5% yang berfikiran sebaliknya. Nilai \bar{X} adalah 3.14 menggambarkan tahap persetujuan yang tinggi. Jadi, rumusannya ialah modul yang tidak interaktif menyebabkan responden menghadapi halangan semasa menggunakan modul.

Modul yang berat dan sukar dibawa ke mana-mana tidak dilihat sebagai penghalang oleh kebanyakan responden. 84.3% ($n=81$) berpendapat sedemikian. Sebaliknya hanya 15.6% ($n=15$) yang melihat modul yang berat sebagai penghalang kepada mereka apabila menggunakan modul. Tahap tidak setuju adalah tinggi digambarkan oleh nilai \bar{X} sebanyak 2.16.

Akhir sekali satu lagi faktor penghalang dalam penggunaan mod modul ialah ketidakbolehan responden untuk membuat rujukan apabila tidak memahami sesuatu semasa menggunakan modul. Faktor ini disetujui oleh 65.6% ($n=63$) responden dan sangat disetujui pula oleh 28.1% ($n=27$) responden. Hanya 6.3% ($n=6$) dari responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini dan tidak melihat faktor ini sebagai penghalang dalam penggunaan mod modul. Nilai \bar{X} adalah 3.22 dan ini menggambarkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan item.

Penghalang Dalam Penggunaan Mod Sidang Video

Jadual 14 adalah menunjukkan faktor-faktor yang menghalang responden dalam menggunakan mod sidang video. Seramai 22.9% ($n=22$) orang responden tidak bersetuju bahawa sistem audio dan video yang tidak memuaskan mengganggu konsentrasi mereka. 2.1% pula sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Walau bagaimana pun majoriti responden beranggapan bahawa sistem audio dan video yang tidak memuaskan memang mengganggu konsentrasi mereka. Kumpulan majoriti ini terdiri daripada 47.9% ($n=46$) yang bersetuju dengan item manakala 27.1% ($n=26$) pula sangat bersetuju dengan item. Nilai \bar{X} adalah 3.00 menunjukkan tahap persetujuan oleh majoriti. Walau bagaimanapun tahap persetujuan ini adalah agak rendah. Kesimpulan yang dapat dibuat adalah sistem audio dan video yang tidak memuaskan memang menjadi penghalang dalam penggunaan mod sidang video.

Ketiadaan kebebasan bergerak semasa sesi sidang video dianggap sebagai penghalang oleh 25.0% ($n=24$) responden dan ditambah pula oleh 6.3% ($n=6$) yang sangat bersetuju bahawa sidang video menyekat kebebasan bergerak mereka. Walau bagaimanapun 66 responden iaitu 68.8% tidak bersetuju bahawa mod ini menyekat pergerakan mereka. Oleh kerana ini merupakan pandangan majoriti maka dapatlah dikatakan bahawa faktor ini tidak merupakan halangan kepada responden. Nilai \bar{X} juga menunjukkan peringkat tidak bersetuju iaitu sebanyak 2.42.

Majoriti responden iaitu 87.5% ($n=84$) bersetuju bahawa suasana sidang video tidak boleh disamakan dengan sesi pertemuan bersemuka. Seramai 8.3% ($n=8$) lagi yang sangat bersetuju dengan item ini. Hanya 4.2% ($n=4$) yang berpendapat suasana sidang video dapat mengujudkan keadaan seperti pertemuan bersemuka. Nilai X adalah sebanyak 3.04.

Jadual 14: Faktor Penghalang Dalam Penggunaan Mod Sidang Video

Faktor Penghalang	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)	X
Sistem audio dan video yang tidak memuaskan mengganggu konsentrasi saya.	2 (2.1)	22 (22.9)	46 (47.9)	26 (27.1)	3.00
Mod ini menyekat kebebasan saya untuk bergerak menyebabkan saya tidak selesa.	0 (0.0)	66 (68.8)	24 (25.0)	6 (6.3)	2.42
Suasana semasa sidang video tidak boleh disamakan dengan pertemuan bersemuka.	0 (0.0)	4 (4.2)	84 (87.5)	8 (8.3)	3.04
Pensyarah kurang dinamik dan tidak bersedia dengan baik.	0 (0.0)	6 (6.3)	51 (53.1)	39 (40.0)	3.34
Sidang video tidak bermula pada masa yang ditetapkan dan sering ditunda.	0 (0.0)	0 (0.0)	54 (56.2)	42 (43.8)	3.44
Tempoh masa sidang video perlu dipanjangkan.	0 (0.0)	4 (4.2)	74 (77.1)	18 (18.8)	3.15
Penggunaan mod ini banyak membuang masa saya.	0 (0.0)	81 (84.3)	15 (15.6)	0 (0.00)	2.16

Nota: STS=Sangat Tidak Setuju TS=Tidak Setuju S=Setuju SS=Sangat Setuju

Pensyarah memainkan peranan penting dalam sesi sidang video. 53.1% (n=51) bersetuju bahawa pensyarah kurang dinamik dan tidak bersedia dengan baik. 40% (n=39) sangat bersetuju dengan item ini manakala sebilangan kecil sahaja iaitu 6.3% (n=6) yang tidak bersetuju bahawa pensyarah kurang dinamik dan tidak bersedia dengan baik.

Kesimpulan yang dapat dibuat di sini ialah majoriti beranggapan bahawa pensyarah tidak memainkan peranan dengan baik dan faktor ini menjadi penghalang dalam penggunaan mod ini. Keputusan ini juga dapat dilihat dari nilai \bar{X} iaitu 3.34.

Dari segi masa semua responden berpendapat bahawa sesi sidang video tidak bermula pada masa yang ditetapkan malah ia sentiasa ditunda. 56.2% (n=54) bersetuju dengan pernyataan ini manakala 43.8% (n=42) pula sangat bersetuju. Nilai \bar{X} adalah 3.44 menunjukkan tahap peratus setuju yang lebih tinggi daripada yang tidak bersetuju. Jadi, sesi sidang video yang tidak bermula pada masa yang ditetapkan memang merupakan penghalang kepada responden.

Majoriti responden iaitu 77.1% (n=74) juga bersetuju bahawa tempoh masa sidang video perlu dipanjangkan. Pernyataan ini juga sangat dipersetujui oleh 18.8% (n=18) dari responden. Hanya sebilangan kecil iaitu 4.2% (n=4) yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Nilai \bar{X} turut menunjukkan peringkat setuju iaitu sebanyak 3.15.

Sebanyak 84.3% (n=81) pula tidak bersetuju bahawa mod ini banyak membuang masa mereka manakala 15.6% (n=15) bersetuju dengan pernyataan ini. Kesimpulannya ialah sidang video dianggap oleh majoriti sebagai tidak membuang masa responden dan ini ditunjukkan oleh nilai \bar{X} sebanyak 2.16.

Jadual 15: Faktor Penghalang Dalam Penggunaan Mel Elektronik dan Papan Perbincangan Internet

Faktor Penghalang	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)	\bar{X}
Saya tidak berani atau bebas mengemukakan soalan.	0 (0.0)	15 (15.6)	62 (64.6)	19 (19.8)	3.04
Saya rasa tertekan apabila menggunakan mod ini kerana diperlukan memberi jawapan.	0 (0.0)	66 (68.8)	24 (25.0)	6 (6.3)	2.38
Saya tidak dapat memperolehi maklumat baru dari pelbagai sumber.	0 (0.0)	50 (52.1)	46 (47.9)	0 (0.0)	2.48
Saya tidak dapat berbincang dengan pensyarah bila-bila sahaja tanpa mengira masa.	0 (0.0)	0 (0.0)	80 (83.3)	16 (16.7)	3.17
Pensyarah tidak memberi nasihat atau khidmat kaunseling.	0 (0.0)	0 (0.0)	80 (83.3)	16 (16.7)	3.17
Pensyarah tidak memberi maklumbalas yang segera.	0 (0.0)	0 (0.0)	80 (83.3)	16 (16.7)	3.17
Saya tidak suka mod ini kerana saya tidak dapat menguasainya.	0 (0.0)	11 (11.4)	55 (57.3)	30 (31.3)	3.18

Nota: STS=Sangat Tidak Setuju TS=Tidak Setuju S=Setuju SS=Sangat Setuju

Penghalang Dalam Penggunaan Mel Elektronik dan Papan Perbincangan Internet

Jadual 15 menunjukkan faktor-faktor yang menghalang responden dari menggunakan mod mel elektronik dan papan perbincangan Internet. Majoriti responden iaitu 64.6% ($n=62$) bersetuju bahawa mereka tidak berani dan tidak bebas mengemukakan soalan melalui mod ini. Seramai 19 orang responden lagi iaitu 19.8% sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Walau bagaimanapun 15.6% ($n=15$) tidak bersetuju dan tidak melihat faktor ini sebagai menghalang penggunaan mod ini. Nilai \bar{X} adalah 3.04 bermakna majoriti bersetuju.

Dari segi rasa tertekan untuk memberi jawapan, 68.8% (n=66) berpendapat mereka tidak menghadapi masalah ini. Walau bagaimanapun terdapat 24 orang responden iaitu 25% yang berpendapat bahawa mereka rasa tertekan kerana perlu memberi jawapan dan ini menjadi halangan dalam proses menggunakan mod ini. Seramai 6.3% (n=6) pula sangat bersetuju dengan item ini. Kesimpulannya ialah majoriti tidak bersetuju bahawa mereka tertekan untuk menjawab, nilai $\bar{X} = 2.38$.

Majoriti iaitu 52.1% (n=50) juga tidak bersetuju bahawa mereka mendapat maklumat dari pelbagai sumber melalui mod ini. Sebaliknya hampir separuh lagi iaitu 47.9% (n=46) berpendapat bahawa mereka tidak dapat memperoleh maklumat dari pelbagai sumber dengan menggunakan mod ini. Tahap tidak setuju yang lebih tinggi digambarkan oleh nilai \bar{X} sebanyak 2.48.

Dari segi peranan pensyarah semua bersetuju bahawa mereka tidak dapat berbincang dengan pensyarah bila-bila tanpa mengira masa. Jumlah responden yang bersetuju dengan pernyataan ini adalah seramai 80 orang iaitu 83.3% manakala yang sangat bersetuju ialah seramai 16 orang atau 16.7%. Jumlah responden yang sama juga bersetuju bahawa pensyarah tidak memberi sebarang nasihat atau khidmat kaunseling. Mereka juga bersetuju bahawa pensyarah tidak memberi maklumbalas yang segera apabila dihubungi. Tahap persetujuan ini digambarkan oleh nilai \bar{X} sebanyak 3.17.

Satu lagi faktor yang menghalang responden dari menggunakan mod ini ialah hakikat bahawa mereka tidak dapat menguasai penggunaan mod ini. 57.3% (n=55) bersetuju bahawa mereka tidak dapat menguasai mod ini manakala 31.3% (n=30) pula sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Hanya 11.4% (n=11) dari responden yang berpendapat bahawa mereka tidak

mempunyai masalah menguasai mod ini. Kesimpulannya ialah majoriti bersetuju bahawa faktor tidak dapat menguasai penggunaan mod menjadi halangan kepada mereka. Nilai $\bar{X}=3.18$.